

Analisis Tindak Tutur Ilokusi dalam Titah KDYMM: Suatu Kajian Pragmatik

Khairunnisa Ahmad, *Lalu Nurul Yaqin

Program Kesusasteraan Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tungku Link Gadong, BE1410, Brunei Darussalam

*Corresponding Author e-mail: lalu.yaqin@ubd.edu.bn

Received: August 2025; Revised: October 2025; Published: November 2025

Abstrak

Tindak tutur (*speech act*) mempunyai kedudukan yang sangat penting dalam pragmatik. Tindak tutur merupakan pertuturan yang dilakukan oleh penutur melalui ujaran. Dalam ujaran, setiap kalimat bukan hanya mempunyai makna literal tetapi memainkan peranan penting dalam komunikasi kerana setiap kalimat yang diucapkan mempunyai makna yang tertentu bergantung kepada situasi dan niat penutur. Dalam mengetahui bagaimana ujaran mempunyai makna sebaliknya. Maka, kajian ini bertujuan untuk menganalisis tindak tutur ilokusi dan realisasi dalam ucapan titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan semasa majlis Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam (UBD) dari tahun 2019 hingga 2023. Isu utama yang mendorong kajian ini dilakukan timbul daripada keperluan untuk memahami bagaimana tindak tutur ilokusi, direalisasikan dalam titah yang diujarkan oleh KDYMM, dan implikasi terhadap pendengar, khususnya graduan. Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan analisis kandungan teks titah digunakan berpandukan teori tindak tutur yang diperkenalkan oleh Searle (1969). Hasil kajian mendapati bentuk tindak tutur asertif, direktif dan ekspresif, digunakan dalam titah KDYMM. Bentuk tindak tutur ekspresif lebih banyak digunakan dalam titah KDYMM untuk menyampaikan mesej dan memberikan penekanan terhadap hal-hal berkaitan dengan teknologi, kecerdasan buatan (AI), keusahawanan, ekonomi, pembangunan dan pertumbuhan sumber tenaga manusia. Implikasi kajian ini memberikan kesan signifikan dalam memahami penggunaan Bahasa dalam konteks formal.

Kata kunci: Tindak Tutur; KDYMM; Titah; Asertif; Direktif; Ekspresif.

An Analysis of Illocutionary Acts in the Royal Address of KDYMM: A Pragmatic Study

Abstract

Speech acts hold a very important position in pragmatic. A speech acts is referring to utterance made by the speaker through their speech. In speech acts, sentences that are utter by the speakers is not only carries a literal meaning but also hold a vital role in communication. Every sentence that are utter by the speaker contains specific meaning depending on the speaker's intention and situations. To understand how an utterance carries a meaning, this study aims to analyse the illocutionary speech acts and their realization in the speeches of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah during the University Brunei Darussalam (UBD) convocation ceremonies from 2019 to 2023. The issue prompting this research is from the need to understand how illocutionary acts, the realization in His Majesty's speeches and the implication for the audience, particularly the graduates. This study conducted a qualitative method using content analysis of the text, based on the speech theory introduces by Searle (1969). The findings reveal that assertive, directive, and ekspresif are present in the speeches. Therefore, directive is more frequently used to convey messages and in emphasizing matters related to the technology, artificial intelligence (AI), entrepreneurship, the economy, development and workforce development. Thus, the implications of this study provide a significant understanding of how language use in formal context.

Keywords: Speech Acts; His Majesty's; Titah, Assertive; Directive; Expressive.

How to Cite: Pg Hj Ahmad, D. K., & Yaqin, L. N. (2025). Analisis Tindak Tutur Ilokusi dalam Titah KDYMM: Suatu Kajian Pragmatik. *International Journal of Linguistics and Indigenous Culture*, 3(3), 157-180. <https://doi.org/10.36312/tdexwh32>



<https://doi.org/10.36312/tdexwh32>

Copyright© 2025, Pg Hj Ahmad & Yaqin.

This is an open-access article under the [CC-BY-SA](#) License.



PENGENALAN

Alat utama dalam komunikasi bertutur adalah bahasa, yang menghubungkan kedua penutur dan pendengar. Bahasa digunakan untuk menyampaikan pemikiran dan idea. Tanpa bahasa, penutur dan pendengar tidak dapat menyampaikan makna, pesanan, idea, dan emosi dengan berkesan. Asmah (1985) berpendapat bahawa bahasa merupakan alat komunikasi, alat berfikir dan alat menghasilkan buah fikiran. Farid M. Onn dan Ajjid Che Kob (dalam Mansor dan Ma'alip 1993) menyatakan bahawa bahasa berperanan sebagai alat yang paling kerap digunakan dalam proses komunikasi. Sebagai makhluk sosial, manusia tidak dapat menghindari proses komunikasi, baik secara lisan mahupun tulisan. Proses ini sangat penting dalam membantu manusia bersosial dan berinteraksi, ini menjadikan bahasa sebagai alat komunikasi yang berkesan dan teratur dalam menyampaikan maksud dan tujuan kepada pendengar. Oleh itu, bahasa memainkan peranan penting dalam masyarakat umum, iaitu sebagai alat untuk menafsirkan konsep fikiran, perasaan, tanggapan serta pandangan dalam kalangan pengguna bahasa tersebut. Tanpa alat pengucapan, pendidikan dan kemajuan sesuatu bangsa tidak mungkin terbina.

Setiap bahasa memiliki keunikannya tersendiri yang mungkin tidak terdapat dalam bahasa lain. Di negara Brunei Darussalam, untuk menyampaikan ucapan rasmi dari KDYMM ialah titah, yang bukan sahaja berfungsi sebagai penyampai maklumat tetapi juga sebagai medium untuk mengumumkan, menasihati dan memberi arahan. Lantaran itu, penafsiran yang tepat dalam titah penting, agar mesej yang hendak disampaikan dapat difahami oleh pendengar. Meskipun kefahaman terhadap unsur-unsur bahasa diperlukan dalam komunikasi, Namun, kemampuan berbahasa saja belum cukup dalam melancarkan komunikasi, terutama pemahaman terhadap ilmu pragmatik, yang mana segala pesan dan maksud penutur dapat difahami tanpa menimbulkan kesalahfahaman. Ilmu pragmatik didefinisikan sebagai bidang yang mengkaji makna dalam interaksi atau meaning in interaction. (Thomas, 1995). Leech (1993) pula menyatakan bidang ini mengkaji tentang makna dan hubungannya dengan ujaran (*speech situations*), yang meliputi unsur-unsur seperti penyapa dan yang disapa, konteks, tujuan, tindak ilokusi, tuturan, waktu, dan tempat. Manakala, Yule dalam Retnaningsih (2014) menyatakan bahawa pragmatik mempunyai empat aspek utam, iaitu bidang yang mengkaji makna yang ingin disampaikan oleh penutur, mengkaji makna berdasarkan konteks, kajian makna yang melebihi kata-kata yang diucapkan, dan bidang yang meneliti bentuk ekspresi bahasa dipengaruhi oleh jarak sosial antara peserta yang terlibat dalam percakapan. berdasarkan definisi ini, dapat disimpulkan bahawa para sarjana tidak hanya memandang bahasa pada kata, ayat, dan makna literal dalam ayat, tetapi juga peranan konteks dalam menentukan makna

serta cara bahasa mempengaruhi interaksi. (Retnaningsih, 2014; Zainuddin, & Yaqin, 2024).

Dalam setiap proses percakapan, tindak tutur sentiasa berlaku. Austin (1979) berpendapat bahawa dalam suatu ujaran, penutur tidak hanya mengatakan atau menyampaikan sesuatu melalui kata-kata, tetapi juga melakukan tindakan melalui pengucapannya. Dalam hal ini, tindak tutur ini akan melihat penggunaan bahasa yang dalam titah, kerana dalam mengkaji tindak tutur, pengucapan niat sebalik pengucapan adalah penting, kerana ia menentukan maksud sebenar di sebalik kata-kata yang disampaikan. Oleh itu, penggunaan bahasa dalam titah adalah contoh terbaik untuk kajian tindak tutur yang memerlukan niat pengucapan dari penutur sendiri, iaitu mengatakan sesuatu itu sesuai dengan niatnya. Titik permulaan teori tindak tutur ini pelopori oleh ahli bahasa Austin (1955) yang kemudian dikembangkan oleh anak muridnya, Searle (1969) melalui bukunya yang bertajuk *"How to do things with words."* Melalui teori ini, Austin (1979) mendefinisikan tindak tutur sebagai penggunaan bahasa yang mempersembahkan tindakan dan menyimpulkan bahawa semua tuturan mengandung makna performatif, bererti penutur dan pendengar terlibat dalam usaha mencapai tujuan tersebut. Searle (1969) menyatakan bahawa "bertutur dalam sesuatu bahasa bermaksud melakukan suatu bentuk tindakan yang terikat dengan peraturan tertentu". Hipotesis Searle (1969) ini selaras dengan matlamat asas tindak tutur, iaitu untuk menghubungkan makna dan tindakan dengan bahasa. Matlamat ini menegaskan bahawa semasa berkomunikasi, penutur sebenarnya melakukan tindakan pertuturan seperti membuat pernyataan, memberi perintah, memberikan nasihat, menyatakan janji, atau membuat permintaan, serta bagaimana pendengar menafsirkan maksud yang terkandung di sebalik ujaran tersebut. Searle (1979) membagi tindak tutur menjadi tiga gerak laku iaitu, lokusi, ilokusi dan perlokusi. Tindak tutur ilokusi ini merupakan elemen penting dalam memahami bagaimana bahasa berfungsi dalam interaksi sosial. Dalam kehidupan bermasyarakat, manusia memerlukan bahasa sebagai medium komunikasi lisan dan alat komunikasi yang dipersetujui bersama. (Ramadhan, 2022). Menurut Wijana (1996) tindak tutur ilokusi merupakan tindak tutur yang tidak hanya bertujuan untuk memberikan maklumat, tetapi juga bertujuan untuk mendorong lawan bicara untuk melakukan sesuatu.

Kajian yang berkaitan dengan titah sudah banyak diteliti oleh beberapa ahli sarjana seperti Bakar, (2011), Momin, (2012), Salleh, (2012), Mazlan & Yusof, (2019) akan tetapi, kajian mereka fokus kepada laras Bahasa, retorik, semantik. Walaubagaimanapun, kajian-kajian lepas tersebut belum ada yang membincangkan dan menerokai terkait tindak tutur ilokusi dalam titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan. Kurangnya penyelidikan dalam hal ini menjadi peluang atau lowongan pada kajian ini. Oleh kerana itu, kebaruan kajian ini adalah menerokai bentuk-bentuk tindak tutur yang terdapat dalam titah serta bagaimana ilokusi dalam titah tersebut dapat direalisasikan. Kajian ini juga memberikan fokus mendalam terhadap bagaimana tindak tutur, khususnya ilokusi, berfungsi dalam konteks komunikasi rasmi untuk menyampaikan makna dan tujuan yang lebih daripada maklumat literal.

Dengan memahami peranan bahasa dalam titah, kajian ini tidak hanya menambah pengetahuan tentang aspek-aspek tindak tutur, tetapi juga akan memberikan pandangan yang lebih luas mengenai penggunaan bahasa sebagai alat untuk mencapai tujuan komunikasi.

Titah

Titah merupakan bahasa lisan yang merujuk kepada ucapan rasmi yang dituturkan oleh seorang raja atau pemerintah. Dalam konteks khususnya, majlis Konvokesyen UBD ini, titah lebih kepada pernyataan, arahan, atau pengumuman yang memiliki kekuatan hukum atau simbolik. Kekuatan disini bermakna segala sesuatu harus ditaati oleh pendengar, sehingga segala perkataan yang keluar dari titah ini adalah perintah dan nasihat. Titah pada majlis ini lebih kepada pandangan dan harapan raja terhadap isu-isu semasa. Pada masa yang sama, titah ini juga berfungsi sebagai panduan bagi pemerintah dan rakyat menangani cabaran termasuk isu-isu sosial, ekonomi, dan pembangunan masa hadapan. Pada masa yang sama, titah ini juga membantu meningkatkan kesedaran masyarakat tentang tanggungjawab mereka terhadap negara, memperkuat nilai-nilai kebangsaan, dan patriotisme.

Justeru itu, titah dalam konteks ini juga memainkan peranan penting dalam menggariskan harapan, memberikan inspirasi, dan menguatkan hubungan antara institusi dan graduan. Titah yang disampaikan ini bukan Sahaja berupa ritual tetapi, juga mempunyai tindakan ilokusi, bererti setiap kata mempunyai kekuatan dan niat tertentu, sama ada memberi penghargaan, memberi nasihat atau memberi peringatan kepada para graduan.

METODOLOGI

Bahagian ini akan menerangkan kaedah-kaedah yang dimanfaatkan oleh pengkaji bagi menjayakan penyelidikan ini. Kajian-kajian yang dipilih boleh memberikan jawapan kepada persoalan kajian dan seterusnya membolehkan objektif dicapai. Antara perkara yang disentuh, merangkumi prosedur penyelidikan, reka bentuk kajian, kaedah perpustakaan, kaedah pengumpulan data, proses analisis data, dan pendekatan teori.

Reka Bentuk dan Skop Kajian

Reka bentuk kajian merujuk kepada perancangan yang digunakan oleh penyelidikan untuk melaksanakan kajian. Penggunaan ini merupakan cara yang paling berkesan dalam mencapai matlamat kajian. Ia merupakan strategi yang terperinci tentang bagaimana penyelidikan akan dijalankan bagi mencapai objektif dan menjawab persoalan kajian. Reka bentuk ini merangkumi pemilihan metodologi, jenis data yang dikumpul, kaedah pengumpulan data, dan cara data dianalisis. Kajian ini dirangka dengan menggunakan pendekatan kualitatif yang bertujuan untuk mengetahui penggunaan bahasa yang dituturkan oleh KDYMM dalam titah. Dalam mengkaji penggunaan bahasa dalam titah pula, metod utama yang digunakan adalah

metod analisis wacana dengan menggunakan analisis kandungan (*content analysis*). Menurut Morris 1994 dalam Ching (n.d):

“...content analysis can be beneficial to management research in general by providing researchers with a methodology for systematic analysis of the information contained in corporate documents, thus opening a rich data source that has been often neglected.”

Manakala, menurut Yaqin, Seken, Suarnajaya (2013) penggunaan pendekatan kaedah kualitatif dengan menganalisis kandungan adalah kaedah penyelidikan yang sistematik yang digunakan untuk menganalisis dan menafsirkan data tekstual. Dalam hal ini, kajian yang diselidiki meliputi ucapan titah yang diujarkan semasa majlis Konvokesyen UBD yang diadakan setiap tahun di Dewan Canselor UBD.

Instrumen Kajian

Teks titah berkaitan semasa majlis konvokesyen UBD ini dijadikan sebagai instrumen utama dalam melaksanakan penyelidikan bagi menyempurnakan kajian tentang tindak tutur. Sejak penubuhan UBD terdapat lebih 36 teks titah yang telah ditranskripsi yang boleh diakses melalui laman sesawang rasmi, Jabatan Perdana Menteri (JPM). Untuk melengkapkan kajian ini, pengkaji telah menggunakan lima (5) teks titah, dari tahun 2019 hingga 2023. Transkripsi ini memudahkan masyarakat, khususnya mereka yang berminat melakukan penyelidikan terhadap penggunaan bahasa yang digunakan oleh KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan. Transkripsi titah yang telah dimuat naik oleh JPM adalah sebagai satu usaha menyokong penyelidikan. Proses analisis terhadap teks-teks titah juga bertujuan untuk menjawab permasalahan kajian yang dihadapi dalam kajian ini.


Prosedur Pengumpulan Data

Untuk melancarkan penyelidikan ini, beberapa prosedur dilaksanakan bagi memastikan kejayaan proses pengumpulan data. Data yang diperoleh untuk kajian ini merupakan hasil pengumpulan dari sumber data primer, iaitu hasil transkripsi yang diperoleh secara langsung melalui laman sesawang rasmi sebagai bahan rujukan untuk dianalisis.

Proses Analisis Data

Sebelum memulakan kajian, pengkaji telah merancang beberapa langkah dan persediaan yang perlu diambil dan diikuti, dari awal kajian hingga ke proses penulisan kertas kajian yang lengkap. Analisis data dilakukan dengan mengikuti aliran model yang diperkenalkan oleh Miles dan Huberman (1994). Model ini dipilih sebagai proses analisis data kerana model ini membolehkan pengkaji menganalisis data mentah secara berterusan sepanjang proses pengumpulan data. Model ini juga membantu memastikan analisis yang mendalam dan menyeluruh terhadap fenomena berkaitan penggunaan bahasa yang dikaji. Langkah awal yang diambil untuk menjayakan kajian ini adalah dengan mengumpulkan data yang sesuai dan berkaitan dengan tajuk yang akan dikaji. Pengumpulan data dilakukan melalui teks ucapan

titah dalam situasi formal. Setelah data dikumpul dan sebelum data dianalisis, model Miles dan Huberman (1994) diaplikasikan, yang sangat sesuai untuk menganalisis data kualitatif.



Rajah 1: Model Miles dan Huberman (1994)

Setelah pengumpulan data dilakukan, terdapat 3 aliran aktiviti utama iaitu:

1. Pengurangan data/penyerderhanaan data (*Data Reduction*)

Aliran pertama melibatkan proses pemilihan, penapisan, pemfokusan, penyederhanaan dan mengubah bentuk data yang diperoleh daripada pengumpulan data lapangan. Dalam kes ini, data diperoleh melalui data yang telah di dokumentasi, ditranskripsi dan tersedia ada. Tujuan pengurangan data adalah untuk memberi perhatian pada aspek-aspek penting data yang berkaitan dengan persoalan kajian. Proses ini berlangsung secara berterusan sepanjang kajian dijalankan. Penggunaan teknik seperti pengkodan dan pengkategorian bentuk-bentuk tindak tutur serta realisasi dalam kajian ini dapat membantu merumuskan data yang kompleks kepada bentuk yang lebih mudah difahami.

2. Penyajian data/paparan data (*Data Display*)

Aliran kedua ini merujuk kepada penyusunan data dalam format yang membolehkan pengkaji memahami corak, hubungan, atau maklumat penting yang tersembunyi dalam data. Paparan data mentah boleh dipaparkan dan disajikan dalam bentuk matriks, graf, carta, atau format yang memudahkan visual dan pemahaman data. Dalam kajian ini, paparan data yang digunakan adalah dalam bentuk jadual. Penyajian data ini penting untuk menganalisis bentuk tindak tutur, ilokusi, serta realisasi, untuk membuat kesimpulan awal.


3. Membuat kesimpulan dan pengesahan (*Drawing Conclusion and Verification*)

Aliran ketiga ini merujuk kepada kesimpulan dan penafsiran pengkaji terhadap data yang telah dilakukan proses analisis dan dipaparkan. Dalam kajian ini, kesimpulan awal akan dibuat secara sementara, namun, kesimpulan

awal itu memerlukan pengesahan tentang kesahihan dan keabsahannya melalui data triangulasi.

Analisis data dilakukan sepanjang dan selepas pengumpulan data, mengikut model aliran yang diperkenalkan oleh Miles dan Huberman (1994). Model ini dipilih berdasarkan beberapa kelebihan diperoleh dalam penggunaan kaedah ini. Pertama, pengkaji dapat terus mengumpul lebih mengumpul lebih banyak data selepas melakukan satu fasa analisis untuk mengisi 'kekosongan' dalam data yang telah dikumpulkan sebelum ini atau untuk menyemak data yang masih tidak jelas. Kedua, pengkaji dapat menguji andaian baru yang dihasilkan oleh analisis melalui pengumpulan data baru. Ketiga, ia memungkinkan untuk menyemak dan menguji "andaian alternatif" yang dihasilkan oleh analisis, yang mencabar andaian yang telah dibuat sebelumnya, dengan membandingkan data baru. Keempat, pengkaji terselamat daripada beban kerja yang berat dalam menganalisis jumlah data yang besar seperti dalam kaedah analisis sepenuhnya selepas pengumpulan data. Kelima, tahap analisis data yang dilakukan semasa proses pengumpulan data, membantu memberi tumpuan dan memperincikan skop kajian supaya langkah pengumpulan data seterusnya lebih dirancang dan dilaksanakan dengan baik. Keenam, model ini membolehkan pengkaji bergerak ke belakang dan ke depan antara memikirkan data yang telah dikumpulkan dan merancang strategi untuk mengumpulkan data baru yang akan dianalisis dengan lanjut. Seterusnya, kesimpulan baru kemudian dibuat dan disahkan.

Kerangka Teori



Rajah 2: Kerangka Teori Tindak Tutur Searle (1969)

Berdasarkan rajah yang dipaparkan, teori yang diperkenalkan oleh Searle (1969) mengkategorikan tindak tutur kepada tiga gerak laku utama, iaitu lokusi, ilokusi, dan perlokusi. Dalam kajian ini, gerak laku yang menjadi tumpuan kajian ialah gerak laku ilokusi, yang merujuk kepada niat pengucapan. Gerak laku ini kemudiannya

dibahagikan kepada lima (5) jenis golongan selaras dengan tujuan dan niat pengucapan penutur, iaitu asertif, direktif, komisif, ekspresif, dan deklaratif.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini memberikan gambaran yang komprehensif dan terperinci berkaitan dengan hasil kajian yang dianalisis, berdasarkan soalan-soalan penyelidikan yang telah dikemukakan. Kajian ini memfokuskan kepada bentuk-bentuk tindak tutur ilokusi serta bagaimana ilokusi tersebut direalisasikan dalam ucapan titah. Perbincangan dibawah mengupas dengan lebih mendalam setiap aspek yang terlibat berkaitan ilokusi dalam ucapan yang digunakan dalam titah semasa majlis konvokesyen UBD dengan menggunakan teori analisis tindak tutur yang diperkenalkan oleh Searle (1969), yang merangkumi asertif, ekspresif, direktif, komisif, dan deklaratif.

TINDAK TUTUR ASERTIF KDYMM

Tindak tutur asertif merujuk kepada tindakan ujaran yang mengikat penutur untuk bertanggungjawab terhadap kebenaran yang diungkapkan. Tindak tutur ini digunakan untuk menyatakan sesuatu yang dipercayai benar oleh penutur. Dalam konteks titah KDYMM, tindak tutur asertif merujuk kepada cara baginda menyampaikan maklumat serta menyatakan keyakinan, kepercayaan, dan kemampuan. Penggunaan tindak tutur asertif adalah penting untuk membina kepercayaan dan menunjukkan bahawa baginda adalah pemimpin yang tegas dan berkredibiliti dalam memimpin rakyat. Tindakan asertif ini memberikan peluang kepada para graduan untuk memahami titah dengan lebih jelas.

Data 1 diambil daripada majlis konvokesyen yang ke-31 tahun 2019. Asertif dalam titah ini dapat dilihat melalui frasa “beta difahamkan,” yang menyatakan makna implisit yang mana baginda memberitahu khalayak bahawa baginda mengetahui dan mengambil peduli tentang perkembangan UBD melalui pihak ketiga. Titah petikan 01.A.31 dan 02.A.31, menekankan perkembangan dalam pendidikan di UBD, khususnya dalam bidang digital dan teknologi. Dalam petikan 01.A.31, baginda menyatakan maklumat bahawa Program Sarjana Muda Sains Komputer di UBD akan melibatkan pelbagai aspek sains digital seperti *Data Analytic*, *Artificial Intelligence*, dan keselamatan siber (*Cybersecurity*). Ini memperlihatkan kepentingan dan keperluan untuk membangunkan kemahiran teknologi digital yang semakin berkembang, yang menjadi kunci kemajuan dalam sektor di Negara ini. Petikan 02.A.31 pula menjelaskan bahawa UBD telah memperkenalkan *dual degree* bersama *SungKyunKwan University* di Korea dalam jurusan kejuruteraan yang menumpukan kepada *Smart Manufacturing Technologies* di tahap sarjana dan kedoktoran. Ini menunjukkan bahawa adanya usahasama antarabangsa ini dapat mengukuhkan perspektif digital dalam pendidikan di era Revolusi Industri keempat. Asertif ini membuktikan pentingnya penyesuaian teknologi canggih dalam pendidikan untuk kemajuan, terutamanya dalam *AI*, *cybersecurity*, dan *Smart Manufacturing*. Ini menunjukkan bahawa baginda

menggunakan tindakan asertif dalam mengujarkan maklumat yang dipercayai benar dan nyata.

Data 1

- 01.A.31 *Beta difahamkan, program Sarjana Muda Sains Komputer akan merangkumi pelbagai jurusan sains digital seperti Data Analytics, Artificial Intelligence dan keselamatan siber atau Cybersecurity.*
- 02.A.31 *Beta juga difahamkan bahawa UBD telah memperkenalkan dual degree yang berunsur perspektif digital dalam bidang kejuruteraan, khususnya Smart Manufacturing Technologies ditahap sarjana dan kedoktoran bersama Sungkyunkwan University, iaitu salah sebuah universiti utama di Republik Korea dan di arena antarabangsa*
- 03.A.31 *Beta telah difaham, Entrepreneurship Village di UBD telah diperluaskan dengan penubuhan The UBD Start-Up Centre.*
- 04.A.31 *Beta juga difahamkan, pusat ini adalah kolaborasi bersama Darussalam Enterprise yang akan melibatkan projek keusahawanan berdasarkan multi-disciplinary dan mempunyai perspektif revolusi industri keempat*

Contoh lain dalam petikan 03.A.31, dan 04.A.31, menekankan tentang perkembangan keusahawanan di UBD. Petikan 03.A.31 menyatakan bahawa *entrepreneurship village* telah diperluas melalui penubuhan *The Start-Up Centre*. Ini telah menunjukkan perkembangan keusahawanan di UBD ini. Petikan 04.A.31, menyentuh mengenai kerjasama Pusat Darussalam *Enterprise*, penekanan terhadap projek keusahawanan yang mempunyai perspektif revolusi industri keempat. Ini menunjukkan asertif digunakan oleh penutur untuk menyampaikan maklumat yang dipercayai benar iaitu berkaitan dengan usahasama dan keusahawanan. Ayat ini, menggambarkan usaha dan hasrat UBD untuk memupuk keusahawanan agar para graduan mampu bersaing dengan perkembangan teknologi, ekonomi, dan industri.

Data 2

- 05.A.32 *Beta difahamkan UBD telah mula meneroka penyelidikan dalam Smart Farming iaitu pertanian dengan menggunakan teknologi canggih, dan perubatan peribadi (Personalised Medicine) di mana perubatan disesuaikan dengan individu berdasarkan informasi genetik individu tersebut.*
- 06.A.32 *Beta juga difahamkan bahawa UBD pada tahun ini telah termasuk antara satu peratus universiti-universiti teratas di dunia*

Dalam konvokesyen yang ke-32 tahun 2020, petikan 05.A.32 dan 06.A.32, menyatakan kebenaran yang dipercayai berkaitan dengan pencapaian UBD dalam

penyelidikan dan pengiktirafan di peringkat dunia. Petikan 05.A.32, menyatakan bahawa UBD telah mula menerokai penyelidikan dalam *Smart Farming* dan *Personalised Medicine*. *Smart Farming* merujuk kepada pertanian yang menggunakan teknologi canggih untuk meningkatkan pertanian dan kecekapan. Perubatan peribadi merujuk kepada rawatan yang disesuaikan dengan individu berdasarkan maklumat genetik mereka, menjadikannya sebagai pendekatan untuk pencegahan penyakit. Kedua-dua petikan memperlihatkan inovasi UBD dalam sains dan teknologi sebagai alat untuk menghadapi cabaran di masa depan. Sementara itu, petikan 06.A.32, memberi penekanan kepada UBD yang kini termasuk dalam satu peratus universiti teratas di dunia, yang menggambarkan kedudukan UBD yang semakin kukuh di peringkat global, berikutan pengiktirafan dalam bidang pembelajaran, penyelidikan, dan inovasi. Kedua-dua petikan menggambarkan wawasan UBD dalam teknologi pertanian dan perubatan yang inovatif, serta pencapaian UBD dalam pendidikan. Frasa “beta difahamkan” dalam konteks ini dengan jelas menunjukkan jelas bahawa semua maklumat diperoleh berdasarkan sumber yang benar dan dipercayai.

Data 3

- 07.A.33 *Beta difahamkan, bahawa UBD telahpun sampai keputaran Pelan Strategik lima tahunnya pada hujung tahun 2020. Di antara pencapaian signifikan dalam pelan strategik tersebut ialah kemasukan UBD buat julung kalinya ke dalam dua world university rankings yang terkemuka, iaitu QS dan Times Higher Education. Selain dari itu, UBD juga telah memperkembangkan kampusnya berupa kampus luar negara pertama di Da Nang, Vietnam.*

Dalam Majlis Konvokesyen yang ke-33 tahun 2022, penekanan asertif juga menggunakan frasa “beta difahamkan”. Petikan 07.A.33, menekankan penggunaan “beta difahamkan” untuk menyatakan fakta dan maklumat yang diberikan berdasarkan laporan rasmi dan sumber yang sahih mengenai pencapaian UBD dalam pelan strategik lima tahun yang berakhir pada tahun 2020. Penyenaaran UBD dalam dua penarafan universiti yang terkemuka, iaitu QS dan *Times Higher Education*, membuktikan peningkatan dan kejayaan utama UBD dalam pendidikan. Selain itu, pengembangan kampus pertama luar negara di Danang, Vietnam, merupakan pencapaian UBD dalam menunjukkan usaha UBD mengukuhkan posisinya di peringkat antarabangsa. Ayat dalam petikan tersebut memperlihatkan asertif dengan jelas.

Data 4

- 11.A.34 *Beta difahamkan, program ini adalah kolaborasi dengan Coursera, iaitu salah satu penyedia terbesar di dunia bagi kursus-kursus profesional melalui platform dalam talian yang akan membawa pensijilan profesional daripada syarikat ternama seperti Google dan IBM*

Dalam majlis konvokesyen ke-34 tahun 2022, Dalam petikan 11.A.34, memperlihatkan baginda menggunakan penekanan asertif untuk menjelaskan kerjasama UBD dengan Cousera, iaitu yang merupakan maklumat yang dipercayai benar. Maklumat yang disampaikan ini berbentuk asertif, iaitu pernyataan mengenai usaha UBD dalam memperluaskan pendidikan dan latihan profesional dalam talian, memberikan peluang kepada pelajar untuk mendapatkan sijil daripada syarikat termasyhur di dunia. Ilokusi dalam ayat ini juga menunjukkan bahawa program yang diadaptasi ini sesuai keperluan kini, yang mana kecekapan dan kemahiran teknologi dan profesional diutamakan dalam dunia perkerjaan.

Data 5

- 12.A.31 ***Beta percaya**, para graduan mampu untuk mengikuti sebarang perubahan dalam paradigma ekonomi dan cabaran-cabaran baru. Salah satu contoh, ialah ledakan teknologi yang membawa kepada perubahan-perubahan terpantas dalam sejarah tamadun manusia.*

Dalam majlis konveskesyen ke-31 tahun 2019, baginda menggunakan asertif “beta percaya” untuk memberikan keyakinan terhadap kemampuan graduan dalam menghadapi cabaran dunia yang semakin meningkat seiring dengan kemajuan teknologi. Petikan 12.A.31, menggunakan frasa “beta percaya” untuk menyampaikan keyakinan mengenai dengan kemampuan graduan mengikuti perubahan dalam paradigma ekonomi dan cabaran-cabaran baru, terutama ledakan teknologi yang membawa perubahan cepat dalam sejarah tamadun manusia. Penekanan terhadap revolusi industri keempat yang menyerlahkan lagi penggunaan teknologi canggih sehingga merangsang perubahan besar dalam ekonomi dan kehidupan seharian. Penggunaan frasa “beta percaya” menunjukkan keyakinan baginda terhadap kemampuan graduan menempuhi cabaran dunia yang semakin rumit terutama, sekali dalam konteks teknologi.

Data 6

- 13.A.33 ***Beta yakin**, jika aspek pengajaran dan penyelidikan dimantapkan, maka UBD boleh akan lebih melonjak selaku sebuah universiti ternama di dunia.*
- 14.A.35 ***Beta yakin** para graduan sudah bersedia untuk mengharungi cabaran-cabaran baharu yang bakal ditempuh berikutan suasana dunia yang semakin mencabar dengan perubahan-perubahan pantas di luar jangkaan*

Contoh asertif lain dapat dilihat dalam majlis Konvokesyen yang ke-33 dan ke-35, baginda menggunakan frasa “beta yakin” seperti dalam petikan 13.A.33, untuk menyatakan keyakinan yang kukuh terhadap keupayaan UBD dan kesediaan graduan dalam menangani dunia yang semakin moden. Asertif dalam petikan ini

menegaskan bahawa baginda percaya usaha UBD dalam meningkatkan pendidikan dan penyelidikan akan membawa UBD ke tahap yang lebih baik. Penyesuaian UBD dan graduan terhadap teknologi dan AI adalah pernyataan yang diyakini benar dan dipercayai. Asertif ini digunakan bagi memberikan keyakinan dalam aspek pengajaran dan penyelidikan, bahawa jika ia diperkukuhkan, UBD akan dapat dinaik taraf menjadi sebuah Universiti yang ternama di dunia. Penggunaan asertif “beta yakin” dalam hal ini menunjukkan keyakinan baginda bahawa dengan menumpukan kepada kualiti pendidikan dan penyelidikan, UBD akan dapat mencapai peringkat global. Contoh lain terdapat dalam petikan 14.A.35, yang mana penggunaan frasa “beta yakin” digunakan untuk menekankan keyakinan baginda terhadap peranan UBD dan persediaan para graduan dalam menghadapi cabaran dunia yang semakin rumit dan pantas, terutamanya dalam penggunaan teknologi dan kecerdasan buatan (AI).

Data 7

- 15.A.34 **Beta mengambil maklum** bahawa Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat UBD telah merangka garispanduan dan peraturan bagi dimana kelayakan mikro ataupun micro credentials yang dinamakan micro-bachelor dan micro-master akan diperkenalkan, untuk memberi peluang kepada rakyat negara ini meningkatkan kapasiti dan meluaskan peluang kemajuan kerjaya (career progression) masing-masing.
- 17.A.35 **Beta sukacita mengambil maklum** bahawa UBD telah merangka satu Entrepreneurship Blueprint bagi memastikan ekosistem keusahawanan para pelajar UBD adalah lebih teratur dan komprehensif

Dalam majlis konvokesyen yang ke-34 tahun 2022 dan ke-35 tahun 2023, baginda menggunakan frasa “beta mengambil maklum” untuk menunjukkan penekanan terhadap beberapa inisiatif penting yang diambil oleh UBD dalam usaha meningkatkan pembelajaran sepanjang hayat dan Pembangunan ekosistem keusahawanan. Penekanan asertif pada petikan 15.A.34, menyatakan bahawa pusat pembelajaran sepanjang hayat UBD telah memperkenalkan kelayakan *micro-bachelor* dan *micro-master*. Inisiatif yang dibuat bertujuan untuk memberikan peluang kepada rakyat Brunei untuk meningkatkan kapasiti diri dan kemajuan kerjaya masing-masing. Hal ini adalah sesuai dengan keadaan dunia yang memerlukan inisiatif untuk memberikan kelainan dalam pembelajaran dan kemahiran mereka selaras dengan keperluan pasaran kerja semasa. Dalam petikan ini, baginda menggunakan asertif untuk melaporkan dan memberitahu kepada khalayak tentang maklumat yang di terimanya. Pada petikan 17.A.35, baginda menggunakan asertif “beta sukacita mengambil maklum” untuk memberikan penekanan terhadap maklumat yang diketahui benar. Penekanan asertif disini memberikan penekanan kepada *entrepreneurship blueprint* yang bertujuan untuk memastikan keusahawanan di

kalangan pelajar lebih teratur. Penegasan terhadap *Blueprint* disini memfokuskan kepada pembangunan kemahiran keusahawanan supaya dapat membina usahawan muda yang berfikiran ke hadapan dan sentiasa bersedia untuk bersaing.

Kesimpulannya, baginda menggunakan asertif dalam titah sempena majlis konvokesyen untuk menyatakan maklumat yang benar dan dipercayai kepada khalayak. Baginda menggunakan frasa beta difahamkan, beta yakin, beta percaya, dan beta mengambil maklum untuk menunjukkan penegasan dan penekanan terhadap perkara yang boleh meningkatkan dan memperkukuhkan lagi UBD, terutama dalam bidang penyelidikan, pendidikan, keusahawanan, teknologi, kecerdasan buatan (AI), dan Pembangunan negara. Baginda menggunakan tindakan asertif untuk menyatakan penegasan terhadap perkara yang selaras dengan keperluan kini.

4.2 TINDAK TUTUR DIREKTIF KDYMM

Tindak tutur direktif merujuk kepada tindakan yang mengarahkan pendengar untuk melakukan sesuatu setelah ujaran diucapkan. Ujaran yang diucapkan oleh penutur menghendaki pendengar untuk melaksanakan tindakan lanjut. Dalam tindak tutur direktif, semasa majlis konvokseyen yang ke-31 sehingga ke-35, Baginda menggunakan frasa “beta mengingatkan, beta menyarankan, beta mengharap, dan beta berharap” untuk menunjukkan penekanan direktif terhadap perkara-perkara tertentu.

Data 8

- | | |
|-----------|--|
| 01.Dir.31 | <i>Beta juga mengingatkan agar para graduan sentiasa berpegang teguh kepada ajaran Islam agar apa jua usaha akan sentiasa mendapat berkat dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.</i> |
| 02.Dir.32 | <i>Beta juga mengingatkan terutama sekali dalam menghadapi cabaran, agar para graduan sentiasa mengekalkan integriti dan berpegang teguh kepada ajaran Ugama Islam agar apa jua usaha akan sentiasa mendapat berkat dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala</i> |
| 03.Dir.33 | <i>Beta juga mengingatkan para graduan untuk mengekalkan integriti berdasarkan ajaran Islam supaya sentiasa mendapat berkat dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.</i> |
| 04.Dir.35 | <i>Beta juga ingin mengingatkan supaya UBD menekankan kepada para graduan bahawa aktiviti mereka bukan hanya untuk kebaikan diri sendiri, malahan juga untuk berbakti kepada bangsa, ugama dan negara.</i> |

Dalam majlis Konvokesyen ke-31, ke-32, ke-33. Dan ke-35. Baginda menggunakan frasa “beta juga mengingatkan” sebagai cara untuk menyeru dan

memberikan peringatan kepada para graduan dan pihak UBD. Frasa ini bertujuan untuk memberikan nasihat atau arahan yang perlu diikuti. Penggunaan frasa dalam setiap majlis konvokesyen bertujuan agar graduan sentiasa berpegang teguh kepada ajaran agama Islam dan mengekalkan sifat serta nilai-nilai Islam ketika menghadapi cabaran dalam kehidupan. Ini menunjukkan pentingnya nilai-nilai agama dan etika sebagai prinsip yang harus dipegang dalam setiap langkah dan tindakan mereka. Ini boleh dilihat pada petikan 04. Dir.35. frasa ini bertujuan untuk mengingatkan graduan bahawa segala pencapaian bukan untuk kepentingan diri sendiri, tetapi juga untuk berbakti kepada negara, bangsa, dan agama.

Pada majlis konvokesyen yang ke-31, ke-32, ke-33 dan ke-35, baginda menggunakan “beta juga mengingatkan” seperti dalam petikan 01. Dir.31, dan 02. Dir.32, untuk menekankan perkara yang sama, berkaitan dengan keperluan setiap graduan untuk sentiasa berpegang teguh kepada ajaran Islam agar setiap langkah mendapat berkat dan rahmat Allah SWT. Hal ini kerana baginda berpendapat bahawa agama berperanan sebagai pelindung dan cara hidup manusia. Penekanan dalam petikan ini menggunakan kata perintah secara tidak langsung, agar penerima perintah tidak merasa bahawa mereka sedang diperintah, dengan itu, nasihat tersebut ambil sebagai saranan, dan graduan tidak memandang enting nilai agama ketika berhadapan dengan cabaran. Penekanan berkaitan dengan agama juga dapat dilihat dalam petikan 03. Dir.33, yang menggunakan frasa yang sama, tetapi lebih kepada penegasan dan peringatan tentang pentingnya agama dalam setiap tindakan. Frasa “beta juga mengingatkan” ditekankan berkaitan dengan suatu perintah yang meniginkan keseimbangan antara material dan spiritual.

Data 9

06.Dir.32 *Beta menyarankan supaya inisiatif-inisiatif digital UBD biarlah selaras dan mendokong Digital Ekonomi Masterplan 2025 yang diperkenalkan pada tahun ini.*

07.Dir.32 *Beta menyarankan supaya penyelidikan di UBD perlu sensitif kepada perubahan pelbagai lanskap.*

Dalam Majlis Konvokesyen yang ke-32 tahun 2020, baginda memberikan penekanan dengan menggunakan frasa “beta menyarankan” yang menunjukkan saranan baginda terhadap beberapa perkara inisiatif UBD dan penyelidikan. Penggunaan frasa ini dapat dilihat dalam petikan 06. Dir.32, yang mana, baginda menyarankan kepada UBD berkaitan inisiatif-inisiatif selaras dengan *Digital Ekonomi Masterplan 2025*. Frasa ini digunakan untuk memberikan penekanan tentang langkah-langkah yang diambil oleh UBD sejajar dengan visi dan misi pelan ekonomi digital negara yang ingin menjadi negara sebagai sebuah negara pintar (*Smart Nation*). Penekanan diujarkan untuk memberikan kesedaran terhadap pentingnya teknologi

digital dalam meningkatkan kecekapan dalam penyelidikan dan pendidikan. Sementara itu, dalam titah konvokesyen yang sama, seperti dalam petikan 07. Dir. 32, frasa “beta menyarankan” memberikan penekanan bahawa penyelidikan yang di UBD perlu peka kepada pelbagai perubahan dalam lanskap. Ujaran ini menyarankan agar graduan sentiasa bersiap sedia serta menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan dalam konteks ekonomi, sosial, dan teknologi. Hal ini bersesuaian dengan keadaan dunia sekarang yang ingin memastikan hasil penyelidikan sentiasa relevan dan mampu menghadapi cabaran dimasa hadapan. Petikan-petikan memberikan saranan yang meminta agar UBD mengambil peranan sebagai institusi pendidikan dan pemimpin dalam teknologi digital serta penyelidikan yang sensitif kepada perubahan global.

Data 10

- | | |
|-----------|---|
| 08.Dir.31 | <i>Beta berharap inisiatif-inisiatif seperti ini bukan sahaja akan menghasilkan graduan celik digital teknologi future ready, tetapi juga turut menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara.</i> |
| 09.Dir.31 | <i>Beta berharap agar setiap graduan sentiasa menimba ilmu bagi sama-sama membangun Negara yang kita cintai ini.</i> |
| 10.Dir.32 | <i>Beta berharap agar setiap graduan sentiasa mengamalkan sikap menyesuaikan diri dan berdikari dalam keadaan dunia hari ini.</i> |
| 11.Dir.35 | <i>Beta berharap usaha ini akan benar-benar menyuntik minda keusahawanan di kalangan para pelajar.</i> |

Seterusnya, dalam memberikan perintah dan nasihat, baginda menggunakan frasa “beta berharap” untuk memperlihatkan harapan baginda berkaitan dengan peranan graduan UBD dalam menghadapi cabaran masa depan dan perkembangan negara. Ujaran ini dapat pada titah konvokesyen ke-31, ke-32, dan ke-35, yang menunjukkan baginda banyak menggunakan kata “berharap” untuk baginda memberikan penekanan terhadap keperluan tindakan aktif daripada graduan. Petikan 08. Dir.31, baginda memberikan penekanan terhadap inisiatif-inisiatif UBD yang bukan hanya bertujuan untuk menghasilkan graduan celik teknologi, tetapi juga sebagai cara menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara. Ini memberi kesedaran bahawa graduan yang memiliki kemahiran teknologi akan memberikan kesan positif dan lebih baik terhadap ekonomi negara.

Selain itu, frasa “beta berharap” juga digunakan dalam majlis konvokesyen ke-32 tahun 2020, petikan 10. Dir.32, memberikan penekanan berkaitan dengan keperluan graduan untuk sentiasa mengambil tempat dalam menyesuaikan diri dan berdikari dengan keadaan dunia yang dinamik. Oleh itu, harapan baginda adalah agar ciri ini ada pada setiap graduan demi menakluki cabaran yang mendatang. Baginda juga menggunakan frasa “beta berharap” dalam majlis konvokesyen yang ke-35 seperti petikan 11.Dir. 35, bertujuan untuk menzahirkan harapan agar segala

usaha yang dilakukan dapat menyuntik minda keusahawanan di kalangan graduan. Titah ini memperlihatkan harapan baginda terhadap kemahiran keusahawanan yang membolehkan graduan lebih progresif dan berdaya saing dalam dunia pekerjaan. Dapatan ini menggambarkan harapan baginda yang menginginkan graduan untuk bergiat aktif dalam membangunkan negara dan berjaya dalam bidang pendidikan. Frasa ‘beta berharap’ ini jelas memperlihatkan keinginan baginda, agar adanya tindakanya yang boleh membawa kepada sesuatu yang positif dalam pembangunan negara, teknologi digital, adaptibiliti, dan keusahawanan.

Data 11

- 12.Dir.33 *Beta mengharapkan supaya UBD lebih memfokus kepada keperluan nasional yang berimpak tinggi, seperti teknologi digital dan kesejahteraan sosial.*

Selanjutnya, dalam majlis konvokesyen yang ke-33 tahun 2022, baginda menggunakan frasa “beta mengharapkan” pada petikan 12. Dir.33, untuk memberikan penekanan terhadap peranan UBD dalam pembangunan negara, teknologi digital, pendidikan, dan kesejahteraan Masyarakat. Penekanan ini menggambarkan harapan agar UBD mengenal pasti dan memberikan tumpuan sewajarnya agar keselarasan antara keperluan dan cabaran dalam era globalisasi ini terbina. Frasa “beta mengharapkan ini” lebih bersifat saranan berkaitan dengan langkah UBD dalam memastikan negara mampu bersaing dalam ekonomi digital serta harapan baginda agar segala perselisihan yang timbul akibat perubahan dalam ekonomi dan digital dapat ditangani dengan baik. Frasa “beta mengharapkan” menjelaskan bahawa kecemerlangan dalam pendidikan sahaja belum cukup untuk menyumbang kepada pembangunan sumber tenaga manusia. Dalam ujaran ini, baginda secara tidak langsung menaruh harapan kepada UBD dan para graduan.

Data 12

- 13.Dir.35 *Beta juga tidak jemu-jemu menggalakkan para graduan supaya meneroka peluang keusahawanan.*

Pada majlis konvokesyen yang ke-35 tahun 2023, Baginda menggunakan frasa “beta juga tidak jemu-jemu menggalakkan” sebagai tindakan untuk memberikan saranan atau galakan kepada graduan agar melakukan tindakan yang diinginkan oleh baginda. Dalam petikan 13. Dir.35, penekanan diberikan kepada graduan untuk menerokai peluang dalam bidang keusahawanan. Frasa tersebut merupakan satu bentuk arahan atau dorongan halus dari baginda berkaitan dengan keusahawanan. Hal ini sesuai dengan keadaan dunia sekarang yang memerlukan minda usahawan dalam menghadapi cabaran.

Dapat disimpulkan, dalam tindak tutur ilokusi direktif, baginda tidak menggunakan perkataan yang boleh menyinggung perasaan graduan ketika

memberikan perintah. sebaliknya, baginda menggunakan ujaran tidak langsung seperti “beta mengingatkan, beta menyarankan, beta mengharapkan, beta berharap dan beta tidak jemu-jemu” sebagai penekanan terhadap perkara berkaitan dengan perintah atau nasihat. Ilokusi secara tidak langsung ini digunakan agar suatu perintah tidak kedengaran seperti perintah yang tegas, sehingga orang yang diperintah tidak rasa diperintah, tetapi, mengambil ujaran sebagai suatu nasihat dan langkah yang perlu diambil demi mengharungi cabaran-cabaran masa hadapan. Disamping itu, ilokusi juga digunakan sebagai kata untuk memberikan penekanan terhadap kepentingan teknologi, kecerdasan buatan, keusahawanan, penyelidikan, pendidikan, pekerjaan, dan keagamaan.

TINDAK TUTUR EKSPRESIF KDYMM

Dalam titah majlis konvokesyen, baginda banyak menggunakan tindak tutur ekspresif. Tindak tutur ini digunakan untuk menyatakan perasaan dan sikap, serta emosi kepada para graduan. Melalui pernyataan ekspresif seperti “beta bersyukur, beta gembira, beta mengucapkan tahniah, beta mengalu-alukan dan beta mengambil kesempatan” untuk memberikan penekanan ilokusi berkaitan dengan emosi.

Data 13

- | | |
|---------|---|
| 01.E.31 | <i>Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dapat bersama-sama hadir di Majlis Konvokesyen Kali Ke-31 Universiti Brunei Darussalam pada pagi ini.</i> |
| 02.E.32 | <i>Beta bersyukur ke hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin-Nya jua dapatlah Beta hadir Ke Majlis Konvokesyen Kali Ke-32 Universiti Brunei Darussalam pada tahun ini, walaupun dalam keadaan yang berbeza dari biasa.</i> |
| 03.E.33 | <i>Beta bersyukur kehadhrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izinNya jua, dapatlah kita hadir di Majlis Konvokesyen Kali Ke-33 Universiti Brunei Darussalam pada hari ini.</i> |
| 04.E.34 | <i>Beta bersyukur ke hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat hadir di Majlis Konvokesyen Kali Ke-34 Universiti Brunei Darussalam pada pagi ini.</i> |
| 05.E.35 | <i>Beta bersyukur ke hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat sama-sama hadir di Majlis Konvokesyen Kali ke-35 Universiti Brunei Darussalam pada pagi ini.</i> |

Melalui petikan 01. E.31, sehingga 05.E.35, pada konvokesyen ke-31 sehingga ke-35, baginda menggunakan frasa “beta bersyukur” dalam pembuka kata. Petikan-petikan di bawah memperlihatkan bagaimana frasa “beta bersyukur” digunakan untuk menunjukkan ungkapan syukur atas kesempatan dan peluang menghadiri majlis

konvoksyen UBD setiap tahun. Oleh itu, setiap ayat dimulakan dengan menggunakan ungkapan syukur kepada Allah, yang menunjukkan penghargaan baginda terhadap kuasa dan izin-Nya, yang mana frasa ini mampu menggambarkan nilai-nilai agama yang mendalam. Penekanan terhadap kehadiran di majlis konvokesyen menunjukkan sokongan moral dan perhatian baginda dalam pendidikan serta pencapaian graduan. Ujaran yang berulang bagi tahun berlainan menunjukkan ketekunan baginda terhadap UBD sebagai institusi yang memberikan sumbangan signifikan dalam pembangunan negara dan pembangunan sumber tenaga manusia. Penekanan berlainan pada petikan 02.E.32, memperlihatkan situasi berbeza, kerana pada tahun ini negara menghadapi pandemik. Penekanan terhadap pengakuan baginda ini menunjukkan kepekaan baginda terhadap perubahan dan bagaimana petikan ini mengubah majlis dan graduan. Secara keseluruhan, baginda menyatakan syukur dengan kehadiran baginda di majlis konvokesyen, ini memperlihatkan pentingnya pendidikan dalam membangunkan negara serta graduan yang inovatif dan progresif.

Data 14

- 06.E.31 *Beta gembira mengetahui, bahawa UBD telah memulakan langkah melaksanakan inisiatif-inisiatif digital, seperti memperkenalkan **perspektif digital** dalam semua program sarjana muda dan mengemaskinikan Sarjana Muda Sains Komputer. Beta difahamkan, program Sarjana Muda Sains Komputer akan merangkumi pelbagai jurusan sains digital seperti Data Analytics, Artificial Intelligence dan keselamatan siber atau Cybersecurity.*
- 07.E.32 *Beta gembira, UBD telah mengemaskinikan Program Sains Komputer dan memperkenalkan Sarjana Muda Sains Digital dengan penekanan jurusan, seperti Artificial Intelligence and Robotic, Data Science dan Cybersecurity.*
- 08.E.33 *Beta gembira, bahawa UBD akan terus memperkembangkan serta menekankan lagi pembelajaran sepanjang hayat, sebagai inisiatif meningkatkan kemahiran dan kecekapan masyarakat, terutama sekali dalam konteks ekonomi global dan teknologi yang pesat berkembang*
- 09.E.34 *Beta gembira mengetahui bahawa UBD juga sedang mengukuhkan lagi program bimbingan Al-Quran yang sedia ada dengan melaksanakan program baru yang dinamakan Quranic Journey yang menjurus kepada membantu dan memastikan para pelajar Islam di UBD pandai dan faham serta cinta kepada Al-Quran, selaras dengan moto UBD: 'Ke Arah Kesempurnaan Insan'.*

Dalam majlis konvokesyen yang dipaparkan dibawah, penggunaan frasa “beta gembira” sangat ketara. Frasa ini menunjukkan sikap positif baginda terhadap pencapaian yang diraih oleh para graduan berkaitan dengan *teknologi digital, artificial intelligence*, dan pendidikan. Petikan 06.E.31, “Beta gembira bahawa UBD telah

memulakan langkah melaksanakan inisiatif-inisiatif digital...” 07.E.32, “Beta gembira, UBD telah mengemaskinikan...” 08.E.33, “Beta gembira, bahawa UBD akan terus memperkembangkan telah mencerminkan pernyataan ekspresi positif terhadap pencapaian UBD. Penekanan “beta gembira” bertujuan untuk memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada pihak UBD atas usaha meningkatkan penggunaan teknologi dalam penyelidikan, dalam erti kata lain, pujian ini diberikan kepada UBD, kerana melaksanakan pendidikan berasaskan teknologi, sesuai dengan keadaan dunia yang mementingkan penggunaan teknologi untuk melakukan dan memudahkan segala pekerjaan. Pada konvoquesyen yang ke-33 tahun 2022, petikan 03. E.33, baginda memberikan penekanan yang bertujuan untuk memberikan motivasi kepada pihak UBD, supaya meneruskan usaha mereka terutama sekali dalam pembelajaran sepanjang hayat dilihat semakin signifikan dalam pertumbuhan ekonomi. Petikan 09.E.34, memberikan ungkapan “Beta gembira” terhadap program *Quranic Journey*, baginda mengungkapkan perasaan gembira kepada graduan kerana mampu memberikan keseimbangan dalam pengajian dan agama selaras dengan moto UBD, ‘Ke Arah Kesempurnaan Insan’. Secara keseluruhan, penggunaan frasa “beta gembira” ini menzahirkan penghargaan baginda terhadap UBD berkaitan dengan perkembangan yang dilakukan berkaitan dengan teknologi, kecerdasan buatan (AI), pertumbuhan sumber tenaga manusia dan keseimbangan antara duniawi dan ukhrawi. Frasa ini digunakan untuk meluahkan perasaan berpuas hati terhadap strategi yang dilakukan oleh UBD.

Data 15

- | | |
|---------|---|
| 10.E.31 | <i>Beta dengan ikhlas mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan kerana berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing.</i> |
| 11.E.31 | <i>Beta sekali lagi mengucapkan tahniah kepada para graduan yang diraikan</i> |
| 12.E.32 | <i>Beta terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan kerana berjaya menamatkan pengajian masing-masing</i> |
| 13.E.32 | <i>Beta sekali lagi mengucapkan tahniah kepada para graduan yang diraikan</i> |
| 14.E.33 | <i>Beta terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan kerana berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing.</i> |
| 15.E.33 | <i>Beta sekali lagi mengucapkan tahniah kepada para graduan yang diraikan</i> |

- 16.E.34 **Beta lebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan yang berjaya menamatkan pengajian masing-masing**
- 17.E.34 **Beta sekali lagi mengucapkan tahniah kepada para graduan yang diraikan**
- 18.E.35 **Beta dengan ikhlas mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan kerana berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing.**

Seterusnya, ilokusi ekspresif boleh dilihat dalam petikan-petikan di bawah. Pada semua petikan, baginda menggunakan “Beta dengan Ikhlas mengucapkan setinggi-tinggi tahniah...” untuk memberikan penghargaan dan penghormatan kepada graduan. Frasa yang diucapkan diawal dan diakhir titah menandakan kegembiraan dan sokongan baginda atas kejayaan graduan menamatkan pengajian, sehingga mampu menambahkan nilai dan rasa emosional. Pada masa yang sama, titah yang diucapkan juga memotivasikan dan memberikan semangat, kerana graduan memahami pengakuan dan pengiktirafan tersebut.

Data 16

- 19.E.32 **Beta mengambil maklum dan mengucapkan tahniah kepada UBD kerana pada julung kalinya ia tersenarai dalam Times Higher Education (THE) World University Ranking**
- 20.E.33 **Beta mengucapkan tahniah kepada seluruh warga UBD atas penganugerahan Clarivate South and Southeast Asia Innovation Award 2020 dalam kategori institusi pendidikan.**
- 21.E.34 **Beta ucapkan tahniah kepada UBD atas peningkatan ketara dalam impak citation penyelidikan bagi Times Higher Education World University Ranking**

Selain itu, penggunaan frasa “Beta mengucapkan tahniah...” ini bukan hanya digunakan untuk memberikan penghargaan terhadap pencapaian graduan, tetapi juga memberikan tahniah kepada UBD kerana berjaya menjadi antara yang tersenarai dalam dua universiti terbaik, iaitu *Times Higher Education (THE)* dan *World University Ranking*. Pencapaian ini telah memberikan perasaan ekspresif baginda kepada UBD. Sepeti dalam petikan 20.E.33, ujaran tahniah itu diberikan kerana UBD berjaya mendapatkan anugerah yang semestinya memberikan sumbangan dan makna signifikan. Petikan 21.E.33. juga menggunakan frasa tahniah atas sebab “peningkatan ketara dalam impak citation penyelidikan” yang menunjukkan UBD telah mencapai kemajuan dalam penyelidikan, iaitu suatu aspek penting dalam dunia akademik. Ekspresif disini menunjukkan pengucapan tahniah atas kejayaan dan pencapaian

UBD dalam peringkat antarabangsa terutama dalam bidang penyelidikan dan pendidikan.

Data 17

22.E.34 *Beta sangat mengalu-alukan inovasi dalam penyediaan program mempraktikkan kaedah blended learning, dimana para graduan bukan sahaja akan mendapat segulung ijazah, malahan juga akan mendapat pensijilan profesional.*

Terakhir, baginda menggunakan ilokusi ekspresif pada konvokesyen yang ke-34 tahun 2022 dengan menggunakan frasa “Beta sangat mengalu-alukan...” seperti yang terdapat dalam petikan 22.E.34, frasa ini digunakan untuk memberikan ilokusi menggalakan transformasi, serta menunjukkan sikap positif baginda terhadap kaedah *blended learning* yang telah dipraktikkan untuk meningkatkan kualiti pendidikan. Ini memberikan graduan peluang dan kelayakan yang lebih baik dalam dunia pekerjaan. Ini menunjukkan baginda ingin UBD juga menumpukan perkembangan professional, bukan hanya aspek penyelidikan.

Secara keseluruhan, penggunaan tindak tutur ilokusi ekspresif dalam titah ini digunakan bertujuan untuk memberikan penghargaan, penghormatan, pengiktirafan, semangat, motivasi, dan sikap positif baginda terhadap pencapaian UBD dan kejayaan yang diraih oleh graduan, yang pada akhirnya, segala usaha yang dibuat UBD akan memberikan kelayakan, peluang, kecekapan dan kemahiran graduan demi mengharungi cabaran-cabaran yang sentiasa mendatang.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kesimpulannya, kesemua petikan titah majlis konvokesyen tahun 2019 sehingga 2023 telah diteliti dan dianalisis secara mendalam menggunakan teori tindak tutur ilokusi Searle (1969) untuk mengenal pasti serta menganalisis tindak tutur ilokusi dalam titah tersebut. Hasil analisis menunjukkan bahawa sebanyak tiga bentuk ilokusi telah digunakan oleh KDYMM dalam majlis konvokesyen, iaitu, asertif, direktif, dan ekspresif, manakala bentuk ilokusi komisif dan deklaratif tidak ditemui dalam semua petikan. Kedua ilokusi ini tidak hadir berdasarkan pemikiran dan pemahaman bahawa titah tersebut tidak disampaikan dalam konteks atau situasi yang menginginkan adanya perubahan besar atau berkaitan dengan politik, sebaliknya, titah ini disampaikan untuk memberi pernyataan, perintah atau nasihat, serta mengekspresikan perasaan dan emosi baginda.

Antara temuan yang signifikan dalam kajian ini ialah penggunaan tindak tutur ilokusi ekspresif yang lebih dominan diujarkan berbanding direktif dan asertif. Ketiga-tiga tindak tutur ilokusi ini digunakan untuk menyampaikan isu-isu semasa yang berkaitan dengan teknologi, kecedasan buatan (AI), pendidikan, penyelidikan, pembangunan negara, pembangunan sumber tenaga manusia, agama, dan

keusahawanan. Tindak tutur ekspresif lebih dominan kerana ia lebih sesuai dengan suasana penyampaian yang seharusnya menonjolkan kelembutan dan sikap prihatin KDYMM terhadap graduan. Dalam situasi ini, KDYMM mencipta suasana positif dengan menyatakan harapan, sokongan, dan semangat terhadap masa depan graduan serta mengekspresikan penghargaan dan penghormatan terhadap sumbangan graduan dan UBD kepada pembangunan negara, dan pertumbuhan sumber tenaga manusia. Dapatan ini memberikan pemahaman yang jelas tentang bagaimana bahasa dapat menyampaikan mesej yang berkesan dalam konteks rasmi. Kajian ini menunjukkan bahawa titah yang disampaikan, bukan sahaja berperanan sebagai mesej yang penuh dengan nasihat, perintah dan saranan, tetapi juga merangkumi aspek-aspek pragmatik yang mempengaruhi cara mesej diterima oleh khalayak.

SARANAN

kajian ini memiliki keterbatasan, kerana kajian hanya menumpukan kepada lima petikan titah, yang mungkin tidak menggambarkan penggunaan bahasa dalam konteks-konteks titah yang lain. Oleh itu, kajian selanjutnya disarankan untuk menganalisis lebih daripada lima petikan dan melihat titah dalam konteks serta tema yang berbeza, bukan hanya terhad kepada bidang pragmatik bagi menghasilkan dapatan yang lebih komprehensif yang dibincangkan diatas.

Author Contributions

For research articles with several authors, a short paragraph specifying their individual contributions must be provided. The following statements should be used (for example the authorship are: Muhammad Asy'ari: MA, Muhammad Roil Bilad: MRB, Taufik Samsuri: TS) "Conceptualization, MA and MRB; methodology, MA; software, TS; validation, MA, MRB and TS; formal analysis, MA; investigation, TS; resources, MRB; data curation, TS; writing – original draft preparation, MA; writing – review and editing, MRB; visualization, TS; supervision, MA; project administration, MRB; funding acquisition, MA. All authors have read and agreed to the published version of the manuscript." Authorship must be limited to those who have contributed substantially to the work reported.

REFERENCES

- Al-Shboul, O., Al-Khawaldeh, N., Hamdan, H., & Alqbailat, N. (2024). Macro and Micro Analysis of Motivational Speech Acts in Biden's Political Speech. *International Journal of Society, Culture & Language*, 12(1), 362-373. doi: 10.22034/ijscsl.2024.2016326.3273. DOI: [10.22034/ijscsl.2024.2016326.3273](https://doi.org/10.22034/ijscsl.2024.2016326.3273)
- Austin, J. L. (1979). *How to do things with words*. Harvard university press
- Bakar, N.H. (2011). *Retorik dalam petikan titah*. [Latihan ilmiah]. Universiti Brunei Darussalam.
- Ching, L. (n.d.). *Memetakan Kaedah Analisis Kandungan: Satu tinjauan Awal*.
- Huang, Y. (2017). *The Oxford handbook of pragmatics*. Oxford University Press, Cop.

- Haroon, H.A., Abdul Rahim, N.A, Basir, N., Zubir, Z. (2020) Lakuan ilokusi ucapan Zahid Hamidi PAU 2017 dan 2018. GEMA. *Online Journal of Language Studies*, 20(2). pp. 96-114. DOI: <http://ejournal.ukm.my/gema/issue/view/1267>
- Jabatan Perdana Menteri. (2019). Titah. Jabatan Perdana Menteri. [transkrip]. Laman Web Jabatan Perdana Menteri Brunei.
- _____. (2020). Titah. Jabatan Perdana Menteri. [transkrip]. Laman Web Jabatan Perdana Menteri Brunei.
- _____. (2022). Titah. Jabatan Perdana Menteri. [transkrip]. Laman Web Jabatan Perdana Menteri Brunei.
- _____. (2022). Titah. Jabatan Perdana Menteri. [transkrip]. Laman Web Jabatan Perdana Menteri Brunei.
- _____. (2023). Titah. Jabatan Perdana Menteri. [transkrip]. Laman Web Jabatan Perdana Menteri Brunei.
- Leech, G.N. (1993). Prinsip Pragmatik.
- Mansor, A.A. (2020). Sikap bahasa terhadap bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Melayu singapura. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(2),1-17.
- Miles, M. B., & Huberman A. M. (1994). *Qualitative Data Analysis: An Expanded Sourcebook*
- Momin, A. (2012). *Laras Bahasa Teks Titah: Satu Tinjauan Praktik [Latihan Ilmiah]*. UBD
- Mazlan, F., & Yusof, B. (2019). Intertekstualiti dalam Titah: Evolusi Konsep Negara Zikir di Negara Brunei Darussalam. *Rampak Serantau*, 327-347.
- Mufiah, N.S, & Rahman, M.Y. (2018). Speech act analysis of Donald Trump's speech. *Professional Journal of English Education*. 2(1).pp 125-132. DOI:[10.22460/project.v1i2.p125-132](https://doi.org/10.22460/project.v1i2.p125-132)
- Oder, A.B., (2023). Speech Acts Revisited: Examining Illocutionary Speech Acts in Speeches Mustafa Kemal Ataturk. *International Conference on Research in Humanities and Social Science*.1(1). DOI: <https://doi.org/10.33422/icrhs.v1i1.130>
- Omar, A. (1985). *Susur Galur Bahasa Melayu, Satu Analisis Sociolinguistik*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahardjo, M. (2010). Triangulasi dalam penelitian kualitatif. [Unpublished]
- Ramadhan, A. (2022). Pragmatic Analysis of Speech Acts in Formal Discourse. *Journal of Linguistic Studies*, 15(2), 45-60.
- Rashid, S. N. M. A. (2016). *Bahasa Sindiran dalam Ujaran Video Blog (Doctoral dissertation, Master Dissertation)*.
- Retnaningsih, W. (2014). *Kajian Pragmatik Dalam Studi Linguistik*. Cv.Hidayah
- Sourou Koutchadé, I. (2017). Analysing Speech Acts in Buhari's Address at the 71st Session of the UN General Assembly. *International Journal of Applied Linguistics and English Literature*, 6(3), 226. <https://doi.org/10.7575/aiac.ijalel.v.6n.3p.226>
- Salahudin, S. N., Abdullah, M. S., Osman, A., Mat Saha , H., & Mohd Kassim, M. A. (2019). *Pengenalan kepada metodologi penyelidikan* . UNISSA Press.

- Salleh, A. B. (2012). *Laras Bahasa Politik: Satu Tinjauan Awal*. [Latihan Ilmiah]. Universiti Brunei Darussalam.
- Searle, J. R. (1969). *Speech acts: An essay in the philosophy of language* (Vol. 626). Cambridge University press.
- Searle, J. R. (1979). *Expression and meaning: Studies in the theory of speech acts*. Cambridge University Press.
- Thomas, J. (1995). *Meaning in interaction: An Introduction to pragmatics*. New York: Longman Group Limited
- Wijana, I. D. P., & Rohmadi, M. (2009). *Analisis wacana pragmatik: Kajian teori dan analisis*. Yuma Pustaka.
- Wijana, P. D (1996). *Dasar-Dasar Pragmatik*. Yogyakarta. Andi Offset.
- Yaqin, L. N., Seken, K., & Suarnajaya, W. (2013). An analysis of Pembayuns speech acts in Sorong Serah ceremony of Sasak marriage: A ritualistic discourse study. *Jurnal Pendidikan Bahasa Inggris Indonesia*, 1
- Zainuddin, N., & Yaqin, L. (2024). Linguistic Politeness In Apologies: Comparing Strategies Of Bruneian And Indonesian University Students. *Journal Of Language And Literature Studies*, 4(3), 544-562.